

Empat kertas dasar perhutanan dilulus

Sinar Harian - 4/12/2021 mjd: 4

MTN ke-79 setuju laksana moratorium kelulusan baharu penubuhan ladang hutan

Oleh MUKHRIZ MAT HUSIN

SHAH ALAM

Mesyuarat Majlis Tanah Negara (MTN) ke-79 bersetuju secara prinsip dengan pelaksanaan Moratorium Kelulusan Baharu Penubuhan Ladang Hutan dalam Hutannya Kekal (HSK) di Semenanjung selama 15 tahun.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, perkara tersebut merupakan salah satu daripada empat kertas yang telah dibentangkan bagi menyentuh beberapa dasar penting berkaitan perhutanan dan perlombongan.

"Dalam hal ini, MTN ke-79 juga mengambil perhatian bahawa terdapat 127,050.25 hektar Zon Pembangunan Ladang Hutan dalam HSK yang belum diluluskan kepada mana-mana syarikat.

"Oleh yang demikian, sebelum moratorium dikenakan ke atas kawasan tersebut, kerajaan negeri yang ingin meneruskan pembangunan ladang hutan perlu melaksanakan perundangan secara terperinci dengan Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) bagi memastikan syarikat yang akan dilantik mematuhi syarat yang ditetapkan da-



Ismail Sabri (tengah) mempengerusikan Mesyuarat MTN Ke-79: Kelestarian Alam Sekitar pada Khamis.

lam perjanjian konsesi serta lain-lain perundangan yang berkuatkuasa," katanya dalam kenyataan pada Jumaat.

Mengulas lanjut, Ismail Sabri berkata, mesyuarat yang dipengerusikan oleh beliau pada Khamis itu juga bersetuju dengan Rang Undang-undang (RUU) Perhutanan Negara (Pindaan) 2020 bagi Seksyen 11 dan 12 yang telah diluluskan oleh Jabatan Peguam Negara pada 3 Disember 2020 dan Jemaah Menteri pada 6 Januari tahun ini.

"MTN juga bersetuju supaya RUU ini dibentangkan di Parlimen pada sesi pertama pada tahun 2022.

"Dalam konteks ini pemakaian Rang Undang-undang (RUU) Perhutanan Negara (Pindaan) 2020 hanya akan terpakai di negeri-negeri setelah Dewan Undangan Negeri (DUN) meminda Enakmen Perhutanan (Pemakaian) masing-masing," ujarnya.

Selain itu beliau berkata, MTN turut bersetuju dengan Tindakan

Penguatkuasaan dan Penyelesaian Terhadap Penerokaan Haram dalam HSK di Semenanjung dan supaya semua kerajaan negeri melaksanakan tindakan penguatkuasaan dan penyelesaian terhadap penerokaan haram di setiap negeri selewat-lewatnya pada 1 Jun tahun depan.

Dalam pada itu, menurut beliau, majlis berkenaan dianggotai oleh 10 wakil kerajaan Persekutuan yang terdiri daripada menteri-menteri kanan serta menteri-menteri kerajaan Persekutuan yang berkaitan bersama menteri-menteri besar, ketua-ketua menteri atau wakil.

"Mesyuarat MTN ini diadakan selaras dengan Perkara 91(5) Perlembagaan Persekutuan iaitu membentuk dari masa ke masa, melalui konsultasi (rundingan) dengan kerajaan Persekutuan, kerajaan-kerajaan negeri dan Majlis Kewangan Negara," katanya.